



UNGU JALIL UNGKU ISMAIL (kiri) sentiasa memastikan anggota dan jentera sentiasa bersedia ketika ditemui di Balai Bomba dan Penyelamat Seputeh



ASPEK keselamatan sentiasa dititik beratkan oleh Ungku Jalil (kiri) supaya operasi berjalan lancar.

## Lihat mayat ibu, anak berpelukan

**W**ALAPUN menyertai pelbagai operasi menyelamat yang tragis dan menyayat hati namun semua itu tidak dapat dibandingkan dengan operasi tanah runtuh melibatkan ahli keluarga bekas Panglima Angkatan Tentera Malaysia, Jeneral (B) Tan Sri Ismail Omar pada 20 November 2002.

Kejadian melibatkan banglo dua tingkat terletak di Taman Hillview, Ampang, Selangor yang mengorbankan enam ahli keluarga Ismail serta dua pembantu rumah mereka itu adalah satu-satunya operasi yang membuat air mata Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Seputeh, **Ungku Jalil Ungku Ismail**, 54, mengalir sepanjang 32 tahun beliau berkhidmat.

Ini kerana, Ungku Jalil yang ketika itu menjadi Ketua Operasi kes terbabit dan bertugas di Unit Udara Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) merasa pilu apabila mayat menantu bekas panglima ATM itu ditemukan dalam keadaan sedang memeluk anaknya yang berumur enam tahun.

Bagi dirinya yang turut mempunyai cahaya mata hampir sebaya, tindakan tersebut menunjukkan usaha terakhir seorang ibu untuk

menyelamatkan anaknya daripada ditimpa runtuhan.

"Kejadian itu berlaku pada awal pagi pada bulan puasa. Kami melakukan kerja-kerja menyelamat sehingga tidak sedar sudah azan maghrib dan waktu terbuka.

"Selepas terbuka ala kadar, saya mula mengais tanah menggunakan tangan dan berjaya menemukan tangan si ibu. Apabila saya dan rakan setugas terus mengais, kami dapat lihat si ibu sedang memeluk anaknya. Saya terduduk sebentar kerana pilu melihat keadaan dua beranak ini," katanya

ketika ditemui *Mega Wira* di sini baru-baru ini.

Sementara itu, bapa kepada tiga orang cahaya mata yang mula bertugas sebagai anggota bomba pada tahun 1985 turut terlibat dalam misi menyelamat ke Aceh, Indonesia semasa peristiwa Tsunami pada

26 Disember 2004.

Ungku Jalil berkata, pasukan dari Malaysia adalah yang pertama sampai ke Aceh untuk memberi bantuan iaitu dua hari selepas kejadian tersebut.

Ujarnya, selama dua minggu di sana, pasukannya yang berkhemah di Lapangan Terbang Bandara Sultan Iskandar Muda

Blang Bintang, Banda Aceh, menjalankan kerja menyelamat, mencari orang yang hilang serta membantu membersihkan bandar yang musnah akibat bencana dahsyat itu di kawasan yang terjejas.

"Dari situlah kami memulakan operasi untuk mencari mangsa-mangsa yang hidup, namun kebanyakannya sudah tidak ada lagi. Kami tolong bersihkan satu sungai yang ketika itu kelihatan seperti lautan manusia.

"Selain itu, ada juga rakyat Malaysia yang meminta kami mencari saudara mereka yang tinggal di sana. Kami dapat mencarinya dan ditemukan tetapi mereka juga tidak selamat," ujarnya.

Dalam pada itu, beliau yang berasal dari Larkin, Johor dan mendirikan rumah tangga dengan Rizana Abdul Rahman, 49, pada 1989 menceritakan kerjaya sebagai bomba bermula apabila kakaknya mengisni dan menghantar borang permohonan untuk dirinya.

"Tidak lama selepas itu saya dipanggil untuk temuduga dan empat bulan kemudian telah dipanggil untuk melaporkan diri sebagai anggota bomba di Kuala Kubu Bharu.

"Dari situlah saya mula menjadi anggota bomba sehinggalah kini," jelasnya. - NUR NAZLINA NADZARI



UNGU JALIL UNGKU ISMAIL



HUBUNGAN mesra Ungku Jalil (kanan) disenangi anggota-anggotanya di Balai Bomba dan Penyelamat Seputeh.